



SIARAN AKHBAR

AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM MENANGGUHKAN KAJI SELIDIK KE ATAS PERNIAGAAN-PERNIAGAAN UNTUK INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (*BUSINESS SENTIMENT INDEX*)

1. Merujuk kepada siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) bertajuk “Autoriti Monetari Brunei Darussalam akan menjalankan Kaji Selidik ke atas Perniagaan-Perniagaan untuk Indeks Sentimen Perniagaan (*Business Sentiment Index*)” pada 9 Rejab 1441H / 4 Mac 2020M.
2. Dalam usaha bersama membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, dengan ini AMBD ingin memaklumkan bahawa kaji selidik untuk perniagaan-perniagaan terpilih bagi projek Indeks Sentimen Perniagaan (*Business Sentiment Index*, BSI) adalah ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.
3. Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai kaji selidik ini, orang ramai bolehlah menghubungi pihak AMBD di talian 2382262.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 1 Syaaban 1441H / 26 Mac 2020M
Rujukan: AMBD/COMMS/3